



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

**SOALAN LAZIM**  
**PENGURUSAN PELAJAR KE LUAR NEGARA**  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

---

**1. Apakah jenis-jenis penajaan pelajar ke luar Negara yang diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)?**

- i. Dermasiswa Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
- ii. Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar Selangor

**2. Apakah bidang pengajian yang ditawarkan pihak penaja bagi permohonan tajaan ke luar Negara?**

- i. Pengajian Islam / Bahasa Arab / Kuliah Ulum (bagi Negara Mesir)
- ii. Pengajian Islam / Bahasa Arab (bagi Negara Jordan)

**3. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat penajaan di bawah JAIS?**

Maklumat boleh diperolehi melalui iklan surat khabar dan media sosial rasmi JAIS dan Bahagian Pendidikan Islam JAIS.

**4. Apakah perbezaan antara Biasiswa dan Dermasiswa?**

Perbezaan adalah penaja sahaja. Kadar tajaan yang ditawarkan adalah sama

**5. Siapakah yang layak memohon penajaan?**

Hanya pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mengikut **tahun semasa iklan permohonan dibuka** sahaja yang boleh membuat permohonan.

**6. Bagaimanakah kaedah permohonan penajaan boleh dibuat?**

Permohonan tajaan boleh hanya dibuat melalui dalam talian sahaja dengan melayari **<https://epengajiantinggi.jais.gov.my>**

**7. Adakah JAIS akan membuat permohonan penempatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Mesir dan Jordan bagi pemohon tajaan?**

- i. **Tidak**, JAIS hanya menguruskan penajaan pelajar sahaja.
- ii. Pengurusan mendapatkan tempat di IPT Mesir dan Jordan akan dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui pautan berikut:  
**<https://dohe.mohe.gov.my/timurtengah>**

**8. Sekiranya saya tidak membuat permohonan dengan KPT, bolehkah saya memohon tajaan?**

**Tidak**, Antara syarat kelayakan permohonan tajaan adalah **pemohon MESTILAH telah membuat permohonan dan mendapat Slip Permohonan dari KPT.**

**9. Bagaimanakah pemilihan pelajar tajaan dibuat?**

Pemilihan pelajar dibuat berdasarkan syarat kelayakan yang dikeluarkan dan dipersetujui pihak penaja serta calon yang layak akan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar Selangor Luar Negara.

**10. Sekiranya permohonan saya berjaya, adakah saya dikategorikan pelajar tajaan?**

Sekiranya permohonan berjaya, pemohon perlu menghadiri temu duga dan ujian bertulis yang disediakan oleh JAIS untuk menentukan kelayakan serta prestasi pemohon sebagai calon tajaan.

**11. Adakah tapisan tambahan bagi pelajar yang telah berjaya dalam temuduga dan ditawarkan tajaan oleh penaja?**

Sekiranya permohonan berjaya dibawah tajaan Lembaga Zakat Selangor bagi Negara Mesir, tajaan akan diberikan kepada calon yang melepasi Ujian Tahdid mustawa dengan pangkat **Mutawassit Awwal Sahaja** (syarat tambahan tajaan Lembaga Zakat Selangor).

**12. Apakah yang perlu saya buat setelah saya ditawarkan sebagai pelajar tajaan?**

Sekiranya pemohon telah ditawarkan sebagai pelajar tajaan, pelajar perlu mengikuti program yang disediakan oleh JAIS iaitu:

- i. Menghadiri penuh Kursus Persediaan Bahasa Arab
- ii. Menghadiri penuh kursus persediaan dan motivasi pelajar
- iii. Lain-lain program yang disediakan oleh JAIS.

**13. Saya merupakan calon STAM/SPM tahun 2017, adakah saya layak memohon tajaan pada tahun 2021?**

**Tidak**, permohonan adalah bagi calon STAM/SPM tahun semasa seperti yang ditawarkan di dalam iklan yang dikeluarkan oleh pihak JAIS.

**14. Saya merupakan anak Selangor yang bersekolah di Negeri Johor (selain Selangor), adakah saya layak memohon tajaan yang ditawarkan pihak JAIS?**

**Ya**, anda layak memohon kerana syarat utama permohonan adalah anak Selangor atau bermustautin (menetap di Selangor Lebih dari 5 tahun (dengan pengesahan mustautin).

**15. Siapakah yang layak membuat permohonan tajaan?**

Semua layak memohon seandainya melepasi syarat dan kelayakan yang dinyatakan di dalam iklan yang dikeluarkan oleh pihak JAIS.

**16. Apakah maksud permohonan tajaan yang dinyatakan dalam sistem epengajiantinggi.jais.gov.my?**

Permohonan tajaan adalah permohonan baru bagi mendapatkan tajaan belajar yang ditawarkan oleh pihak JAIS berdasarkan iklan yang dikeluarkan bukanlah pelajar tajaan sedia ada.

**17. Adakah pelajar yang telah mendapat tajaan lain boleh memohon tajaan yang ditawarkan oleh pihak JAIS?**

**Tidak**, pemohon yang telah mendapat tajaan dari mana-mana pihak penaja bagi melanjutkan pengajian ke luar Negara yang ditawarkan JAIS tidak boleh membuat permohonan.

**18. Adakah pihak JAIS menguruskan permohonan tajaan bagi pelajar yang sedang menuntut di Mesir & Jordan?**

**Tidak**, permohonan dan tajaan hanya bagi pelajar yang baru ingin melanjutkan pengajian ke luar negara.

**19. Adakah JAIS menguruskan pelajar persendirian dan apakah yang dimaksudkan dengan pelajar persendirian?**

i. **Ya**, JAIS ada menguruskan pelajar persendirian ke luar Negara.

- ii. Pelajar persendirian adalah pelajar yang tidak mendapat tajaan dan menggunakan sumber kewangan sendiri (ibu/bapa/penjaga/lain-lain) untuk menyambung pengajian ke IPT Mesir, Jordan dan Maghribi.
- iii. Pelajar ini akan dikategorikan sebagai pelajar dibawah pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

#### **20. Apakah syarat untuk memohon sebagai pelajar persendirian JAIS?**

Semua maklumat permohonan boleh merujuk kepada iklan yang dikeluarkan pihak JAIS.

#### **21. Siapakah yang boleh memohon sebagai pelajar persendirian?**

- i. Semua pelajar Selangor yang ingin melanjutkan pengajian ke luar Negara (Mesir/Jordan/Morocco) boleh membuat permohonan sebagai pelajar persendirian STAM/SPM yang diuruskan JAIS.
- ii. Telah membuat permohonan dan mendapat Slip Permohonan dari Bahagian Education Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

#### **22. Adakah JAIS akan membuat permohonan penempatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Mesir, Jordan dan Maghribi?**

- i. **Tidak**, JAIS hanya menguruskan proses penghantaran pelajar sahaja.
- ii. Pengurusan mendapatkan tempat di IPT Mesir, Jordan dan Maghribi akan dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui link berikut:  
<https://dohe.mohe.gov.my/timurtengah>

#### **23. Sekiranya saya tidak membuat permohonan dengan KPT, bolehkah saya memohon persendirian?**

**Tidak**, syarat permohonan pengurusan pelajar persendirian adalah pemohon **MESTILAH** telah membuat permohonan dan mendapat Slip Permohonan dari KPT.

#### **24. Adakah pelajar negeri Selangor perlu mendaftar dengan JAIS?**

**Ya**, merujuk kepada keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor, mana-mana pelajar di negeri Selangor yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke IPT Mesir, Jordan dan Maghribi **DIMESTIKAN** melalui JAIS.

**25. Adakah JAIS melantik mana-mana wakil / agen untuk menguruskan pelajar negeri Selangor ke Mesir, Jordan dan Maghribi?**

JAIS tidak pernah mendaftar/ melantik mana-mana wakil / agen bagi urusan permohonan dan penempatan pelajar ke Mesir, Jordan dan Maghribi

**26. Apakah perkara yang diuruskan oleh pihak JAIS bagi pelajar persendirian?**

JAIS akan membantu menguruskan urusan berikut:

- i. Membuat terjemahan sijil STAM dan sijil lahir
- ii. Mendapatkan cop consular di Bahagian Konsular, Wisma Putra.
- iii. Menguruskan visa pelajar
- iv. Menguruskan penerbangan pelajar

**27. Berapakah kos pelajar persendirian yang diuruskan oleh pihak JAIS?**

- i. Kos yang diuruskan oleh pihak JAIS sangat berpatutan dan tidak membebankan.
- ii. Kadar yang ditawarkan adalah RM2,960.00 (Mesir), RM3,060.00 (Jordan), RM4,160.00 (Jordan) dan kos yang dikenakan meliputi pengurusan serta tiket penerbangan pelajar.

**28. Apakah faedah yang diperolehi pelajar yang mendaftar dengan JAIS?**

Faedah yang diperolehi pelajar ialah:

- i. Keutamaan menetap di asrama negeri Selangor di Mesir
- ii. Keutamaan untuk memohon bantuan kewangan (sekiranya ada)
- iii. Diuruskan sepenuhnya oleh Bahagian Pendidikan Islam

**29. Bagaimana perjalanan pelajar tajaan dan persendirian dari Malaysia ke Mesir, Jordan dan Maghribi?**

Pelajar akan diringi pegawai yang dilantik oleh JAIS mengiringi pelajar tajaan dan persendirian ke Mesir, Jordan dan Maghribi.

**30. Apabila pelajar berada di Mesir, Jordan dan Maghribi, pada siapa pelajar perlu merujuk?**

- i. Apabila pelajar berada di Mesir pegawai yang dirujuk adalah pegawai atase Pendidikan Selangor
- ii. Apabila pelajar berada di Jordan dan Maghribi, boleh merujuk kepada persatuan pelajar yang berdaftar dengan kedutaan.

**31. Adakah boleh membuat kedua-dua permohonan iaitu permohonan tajaan dan persendirian secara serentak?**

**Tidak**, pemohon hanya boleh membuat satu permohonan sahaja. Bagi pemohon yang tidak berjaya mendapat tajaan, pemohon akan ditawarkan untuk diuruskan sebagai calon persendirian JAIS.

**32. Bagaimanakah cara saya ingin membuat permohonan tajaan/persendirian JAIS?**

Permohonan boleh dibuat hanya secara dalam talian dan sebarang permasalahan bagi mengisi permohonan boleh merujuk kepada manual pengguna yang disediakan.

**33. Dimanakah maklumat lanjut berkenaan pengurusan pelajar ke luar negara yang diuruskan oleh JAIS boleh saya perolehi?**

Maklumat berkenaan pengurusan pelajar ke luar negara boleh diperolehi melalui:

- i. <https://epengajiantinggi.jais.gov.my>
- ii. <https://pendidikan.jais.gov.my>
- iii. Facebook Bahagian Pendidikan Islam JAIS
- iv. Facebook Jabatan Agama Islam Selangor